



SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH DIPLOMASI EKONOMI GLOBAL DIPERU, TEROKA KERJASAMA STRATEGIK SEKTOR MINERAL KRITIKAL

LIMA, PERU, 26 JUN 2026 – Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terus meletakkan agenda memperkukuh hubungan antarabangsa serta meneroka ruang kerjasama baharu yang inklusif dan berimpak tinggi sebagai keutamaan negara.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, telah mengadakan satu sesi jaringan strategik bersama-sama para pemegang taruh, pemain industri utama, serta komuniti perniagaan dari Peru, India, Chile dan Colombia. Sesi khas ini berfungsi sebagai platform untuk bertukar pandangan mengenai perkembangan landskap ekonomi global khususnya yang melibatkan sektor sumber asli, mineral kritikal dan pengukuhan rantai bekalan dalam menyokong agenda peralihan tenaga dunia.

Rantau Amerika Latin, terutamanya Peru, memainkan peranan yang signifikan sebagai antara penyumbang utama kepada bekalan mineral global. Malaysia secara strategik terus memperkukuh kedudukannya sebagai hab industri yang berdaya saing tinggi, dengan memberi penumpuan khusus kepada aspek penguasaan teknologi, pemprosesan hiliran, serta pembangunan rantai nilai yang mampan. Sinergi yang terjalin antara kekuatan wilayah berkenaan dengan keupayaan Malaysia bakal membuka ruang yang luas bagi jalinan kerjasama rentas benua yang saling melengkapi.

Beliau menegaskan bahawa platform sedemikian bukan sekadar instrumen penjenamaan bagi menonjolkan unjuran potensi Malaysia di pasaran global, malah ia merupakan pemangkin kepada dialog strategik yang lebih berstruktur.

Langkah proaktif ini bakal membuka koridor baharu bagi kemasukan pelaburan berkualiti tinggi, pemindahan teknologi canggih, pemerkasaan kapasiti industri tempatan, serta pembentukan jaringan perdagangan global yang berdaya saing.

"Hubungan antarabangsa yang kukuh hanya mampu dibina melalui interaksi yang konsisten, kepercayaan bersama, serta kefahaman yang mendalam terhadap keperluan dan kekuatan setiap negara. Melalui pertemuan bersemuka seumpama inilah, peluang baharu dapat dicetuskan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif, mampan, dan berorientasikan masa depan." jelas beliau.

NRES menaruh keyakinan yang tinggi agar jaringan yang terjalin sepanjang lawatan kerja di Peru ini akan menjadi asas yang utuh kepada kerjasama strategik yang lebih luas pada masa hadapan. Langkah proaktif ini sekali gus akan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam ekosistem ekonomi global yang semakin kompleks dan saling bergantung antara satu sama lain.

Malaysia menzahirkan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memartabatkan diplomasi ekonomi di peringkat global bagi memastikan aset sumber asli dan mineral negara ditadbir urus secara bertanggungjawab, lestari, dan berupaya menjana nilai pulangan maksimum demi kemakmuran ekonomi negara serta kesejahteraan seluruh rakyat.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
26 JUN 2026

